

# KEM PEN SEJARAH MALAYSIA SEBENAR (KemSMS)

Sekretariat KemSMS: F510, Block F, Phileo Damansara I, No.9, Jalan 16/11, Off Jalan Damansara,  
46350 Petaling Jaya, Selangor.

Tel : 03-7660 4988/03-2274 6645 | Fax : 03-7660 4998/03-2272 4089  
Email: [info.kemsejarahmalaysia@gmail.com](mailto:info.kemsejarahmalaysia@gmail.com)



## Kenyataan Akhbar KemSMS berkenaan GESAAN REFORMASI PENDIDIKAN SEJARAH

**19 Januari 2012**

KemSMS adalah sebuah pergerakan sivil yang ditubuhkan pada bulan May 2011. Ahli-ahlinya terdiri daripada para akademik yang dihormati, profesional dan ibubapa yang prihatin serta gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang inginkan penyemakan dan pembetulan mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah dan buku-buku teks agar ianya lebih liberal dan progresif. Objektif utama pergerakan kami adalah untuk menyumbang agar sejarah Malaysia dan dunia ditulis semula dengan fakta-fakta yang betul dan sebenar agar ianya memberi sejarah yang sebenar dan seimbang.

KemSMS menegaskan bahawa ‘SEJARAH’ adalah sangat penting kerana ianya membenarkan asal-usul dan identiti kita; mempengaruhi pembangunan Negara dan memupuk semangat kekitaan (*sense of belonging*). Kebenaran mesti mengatasi segala-galanya pada bila-bila masa.

Seajar dengan objektifnya, KemSMS telah menjalankan beberapa kajian untuk menganalisa kelemahan dan kekurangan dalam mata pelajaran Sejarah dan buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah. Dari kajian ini dan konsultasi dengan beberapa pemegang berkepentingan yang lain, kami telah menyediakan kertas cadangan dan saran-saran untuk mencapai objektif pelajaran sejarah yang seimbang dan progresif dan telah mengemukakannya kepada Panel Penyemak Sejarah yang dilantik oleh Kerajaan dan juga kepada YAB. Menteri Pelajaran Malaysia.

Pada 27 Disember 2011, kami telah bertemu dengan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sekolah Menengah yang diterajui oleh YBhg. Dato’ Haji Omar b. Haji Mohd Hashim. Kami telah diberitahu bahawa pandangan serta cadangan pembaharuan kami akan diambil kira oleh Jawatankuasa Khas ini. Kami juga diberitahu bahawa keputusan berhubung dengan mata pelajaran baru Sejarah akan dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan proses untuk menyediakan silibus/mata pelajaran baru itu dan buku-buku teks baru akan mengambil masa yang lama dalam beberapa tahun.

Kami merasa bimbang bahawa proses penyemakan dan pembetulan ini mungkin tidak dapat mengatasi kebimbangan dan kerisauan ribuan ibubapa yang menandatangani secara *online* dan petisyen bertulis supaya pembaharuan segera dibuat kepada mata pelajaran Sejarah dan buku-buku teks.

Kami menyeru kepada Kerajaan dan badan-badan berkuasa agar mempercepatkan pembaharuan dasar dan mengambil tindakan-tindakan segera untuk memastikan:-

- Satu perspektif yang lebar dan seimbang berkenaan tamadun-tamadun utama serta peristiwa-pertistiwa terpenting dalam sejarah dunia.
- Fakta sejarah yang betul dan benar berkenaan pembangunan sejarah Malaysia dari sudut yang tidak berat sebelah.
- Memberi pengakuan yang adil dan wajar kepada sumbangan semua kaum terhadap pembangunan sejarah Negara.

Adalah amat penting dalam membentuk dan mengacu pelajaran dan nilai-nilai generasi muda kita, mata pelajaran Sejarah dan buku-buku teks tidak berat sebelah kepada mana-mana tamadun atau agama dan tidak juga mempunyai sebarang agenda politik atau sosio-agama.

Kami ingin menegaskan bahawa buku-buku teks dan guru-guru sejarahlah yang membantu pelajar-pelajar kita mendapat pengetahuan dan kefahaman sejarah.

Memandangkan kualiti yang lemah dan berat sebelah buku-buku teks yang sedia ada, kami menyeru kepada badan-badan berkuasa untuk bertindak segera ke atas perkara-perkara berikut:-

- Mengkaji semula buku-buku teks yang sepatutnya mencerminkan masyarakat pelbagai kaum dan budaya.
- Menentukan sistem pemilihan buku teks sedia ada terbuka dan telus.
- Mempelawa maklum balas daripada umum dan pakar-pakar pendidikan berkenaan cara-cara memperbaharui sistem buku teks sedia ada yang lemah kualitinya.
- Memerlukan buku-buku sejarah yang dipilih sebagai buku-buku teks ditulis oleh sejarawan atau ahli sains sosial yang mempunyai pengkhususan dan kepakaran dalam bidang sejarah.
- Memerlukan penulis-bersama buku-buku teks termasuk kumpulan pelbagai kaum dan bukan kumpulan daripada satu kaum etnik atau agama sahaja untuk mengurangkan berat sebelah kaum atau agama.
- Memerlukan Jawatankuasa Pemilihan Buku-Buku Teks berunding dengan panel pakar bebas sebelum kelulusan sesebuah buku teks.
- Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan Buku-Buku Teks diketahui umum dan perlu mencerminkan pelbagai kaum dan agama.
- Pemilihan penulis buku-buku teks adalah melalui tender terbuka seperti yang diamalkan dalam mendapat bekalan untuk kerajaan. Ini boleh memastikan calon-calon terbaik dipilih untuk menulis buku-buku teks dan mengurangkan kemungkinan penyalahgunaan atau amalan-amalan rasuah.
- Sistem menggunakan buku-buku teks sejarah sedia ada perlu dikaji semula dan ditukar dengan yang lebih liberal dan membenarkan berbagai buku digunakan oleh guru-guru dan sekolah-sekolah.

KemSMS sebagai sebuah kumpulan warga prihatin ingin menghargai ‘Sejarah Malaysia Sebenar’. Kami muahu mendidik anak-anak muda dalam bidang kemahiran inter-personal, pengetahuan dan latihan kemahiran dan dalam keprofesionalan. Untuk ini, kita perlu membangun dan mengekalkan kejujuran dan kekuatan intelektual.

KemSMS menegaskan di sini bahawa anak-anak muda kita tidak boleh bertahan persaingan hebat daripada dunia luar jika kita tidak bertindak segera untuk mendidik mereka dengan baik. Sejarah yang objektif dan tepat perlu diajar kepada anak-anak kita.

Sebagai warga Malaysia yang beragama Islam, Hindu, Kristian, Buddha, Sikh ( Melayu, India, Cina, Eurasia, Orang Asli, Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Kadazan-Dusun, Bajau, Murut dan lainlain) adalah sungguh menyedarkan bahawa kita semua adalah sebahagian daripada sejarah Malaysia. Kami sangat banggakan **SEJARAH MALAYSIA SEBENAR**.